

14/07/1998

Dinsman hangatkan majlis Pena

ACARA pembacaan puisi nampaknya semakin mendapat tempat di kalangan orang ramai. Ini yang dapat dikesan daripada majlis seumpama itu anjuran Persatuan Penulis Nasional (Pena).

Bukan setakat itu, sesetengah puisinya semakin `panas' apabila ia dilahirkan oleh seniman tulen seperti Dinsman.

Kali ini Dekan Fakulti Pergigian Universiti Malaya, Datuk Prof Dr Hashim Yaacob dan Pensyarah Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, Prof Madya Rahman Shaari menjadi hos. Dua nama yang begitu rapat dalam acara pembacaan puisi.

Acara dimeriahkan dengan kehadiran Ras Adiba Radzi, Dr Zamri Radzi, Borhan Md Zain, Sabri Yunus, Ahmad Razali Yusof dan beberapa yang lain, terutama dua orang kuat di belakang program bulanan anjuran Pena dengan majalah Karya iaitu Sutung Umar RS dan Dinsman.

Prof Hashim tampil dengan puisi lamanya, menyangkut penghargaan kepada kedua ibu bapa dan isteri. Kerana baginya mereka ini adalah orang belakang yang membantu kejayaannya.

Beliau turut menceritakan pembabitannya dalam dunia puisi yang katanya bermula kira-kira lapan tahun lalu.

Dinsman selain tampil dengan puisi panjangnya untuk Dr Mahathir, turut mendeklamasikan dua puisi `panas' mengkritik golongan tertentu yang haloba dengan projek, melalui Apabila Menteri Menjadi Lanun dan Seolah-olah itu Orang Lain.

Ras Adiba membaca puisi Prof Hashim bertajuk Ibuku si Penoreh Getah dan melagukan puisi Lim Swee Tin dan Datuk Ahmad Sebi Bakar manakala Borhan dengan beberapa lagu termasuk Penyair dan Hari Kemerdekaan.

Rahman yang terkenal dengan melodi sajak tanpa muzik, mendendangkan puisi Prof Hashim bertajuk Aku Hanya Ingin ke Seberang.

Sabri pula dengan lagu loghat Kelantan dan dua anak Rahman turut menyumbangkan puisi.

(END)